

MPS bakal dinaik taraf sebagai Majlis Bandaraya Sandakan

OLEH VESTA
VANESSA JSOL

KOTA KINABALU: Kerajaan Negeri akan menaiktaraf status Majlis Perbandaran Sandakan (MPS) kepada Majlis Bandaraya Sandakan.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri, Datuk Seri Haji Hajiji Haji Noor berkata bahawa Kabinet telahpun memutuskannya dan mengikut perancangan akan berkuatkuasa bermula pada 1 Julai tahun ini.

"Majlis Bandaraya adalah berlainan dengan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK). Apabila kita menaiktarafkannya, presiden yang ada sekarang akan dipanggil sebagai Datuk Bandar ataupun Mayor."

"Keputusan ini dibuat atas penilaian keatas syarat-syarat tertentu yang ditetapkan untuk

mengiktiraf Majlis Perbandaran menjadi Majlis Bandaraya dan Sandakan telah memenuhi syarat-syarat tersebut.

"Ini menunjukkan mereka juga mesti meningkatkan tahap pemberian perkhidmatan kepada rakyat, banyak yang mereka perlu lakukan untuk mendapatkan status ini," jelasnya.

Hajiji berkata kepada media selepas menyampaikan ceramahnya yang bertajuk 'Pihak Berkuastra Tempatan: Tadbir-Urus Baik,' dalam majlis Chapter UMS Lecture Series No.4 anjuran Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Majlis Profesor Negara UMS di sini, kelmarin.

Selain Sandakan, beliau juga menyatakan bahawa Tawau juga dijangka untuk mendapatkan status baharu dalam masa terdekat ini.

Terdahulu, Hajiji menyatakan bahawa Tongod kini telah dinaik taraf sebagai sebuah Majlis Daerah.

"Tongod sudah mula beroperasi pada 1 Januari yang lepas. Manakala Majlis Daerah Telupid yang telah diluluskan oleh Kerajaan, diharapkan untuk beroperasi sebelum hujung tahun ini."


Hajiji menegaskan bahawa, tujuan kedua-dua daerah dinaik taraf adalah untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada masyarakat di kawasan terbatit.

"Tongod ini adalah satu tempat yang agak strategik. Laluan Pantai Barat Sabah ke Pantai Timur Sabah, jadi wajar diberikan status Majlis Daerah yang mentadbir sendiri hal ehwal dalam kawasan itu," ujarnya.

Pewartaan Tongod dan Telupid sebagai Majlis Daer-



CENDERAHATI ... Ismail (tengah) diiringi Hamdan (kanan) menyampaikan cenderahati kepada Hajiji (kiri).



BERSAMA ... Hajiji (tengah) bergambar bersama dengan audiens selepas menyampaikan ceramahnya

ah menjadikan Sabah kini mempunyai 26 Pihak Berkuastra Tempatan (PBT).

Sebelum ini, Tongod berada di bawah pentadbiran Majlis Daerah Kinabatangan

sementara Telupid di bawah kuasa Majlis Daerah Beluran.

Hadir sama Setiausaha Tetap Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah, Datuk Ginun Yangus;

Dekan Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, UMS, Profesor Dr. Ismail Ibrahim dan Pengurus Majlis Profesor Negara, UMS, Profesor Datuk Mohd. Hamdan Adnan.